

TERMA DAN SYARAT

“Kempen *CIMB Private Wealth Acquisition*”

1. “Kempen *CIMB Private Wealth Acquisition*” (“**Kempen**”) dianjurkan bersama oleh **CIMB Bank Berhad** [No Pendaftaran.: 197201001799] dan **CIMB Islamic Bank Berhad** [No Pendaftaran.: 200401032872]. CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic hendaklah dirujuk secara kolektif di sini sebagai (“**CIMB**”).

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari **1 Jun 2026 hingga 30 September 2026**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Kempen**”).

Kelayakan

3. Kempen ini terbuka kepada pelanggan yang disasarkan di mana mereka telah menerima jemputan CIMB untuk menyertai Kempen ini melalui Mesej WhatsApp (“**WA**”) dan/atau Perkhidmatan Pesanan Ringkas (“**SMS**”) dan/atau Mel Terus Elektronik (“**EDM**”) dan/atau panggilan telefon dalam Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak**”).
4. Walau apa pun Klausula 3, orang/entiti berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - a. Perusahaan kecil dan sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat seperti yang ditentukan oleh CIMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, pertubuhan/persatuan amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi; dan/atau
 - b. Individu di bawah umur 18 tahun; dan/atau
 - c. Orang Amerika Syarikat seperti yang ditakrifkan di bawah (terpakai bagi Dana Unit Amanah Konvensional/Dana Unit Amanah Patuh Syariah atau apa-apa produk lain, sebagaimana yang mungkin):-
 - i. Mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat, termasuk mana-mana orang dengan domisil Amerika Syarikat; atau
 - ii. Mana-mana orang dengan alamat surat-menyerut akaun Amerika Syarikat; atau
 - iii. Mana-mana orang yang memegang Kad Hijau Amerika Syarikat; atau
 - iv. Mana-mana orang yang memenuhi “*substantial presence test*”, iaitu seseorang yang berada di Amerika Syarikat selama sekurang-kurangnya 183 hari kalendar dengan mengira semua hari (sekurang-kurangnya 31 hari) pada tahun semasa, 1/3 daripada hari-hari pada tahun sebelumnya, dan 1/6 daripada hari-hari pada tahun kedua sebelumnya; atau
 - v. Mana-mana orang yang ditakrifkan sebagai Orang Amerika Syarikat untuk tujuan Cukai Amerika Syarikat; dan/atau

Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak menyatakan dan mengesahkan bahawa mereka tidak tergolong dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

5. Berhubung dengan akaun bersama, hanya pemegang akaun yang dinamakan di kedudukan pertama iaitu pemegang akaun utama (“**Pemegang Akaun Utama**”) layak menyertai Kempen ini. Untuk tujuan Kempen ini, pemegang akaun bersama selain daripada Pemegang Akaun Utama tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Mekanisme Kempen

6. Pelanggan Layak yang menyertai, menaik taraf ke, atau pelanggan sedia ada segmen Private Wealth dengan memenuhi syarat-syarat berikut akan layak menikmati tawaran seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah (“**Tawaran**”):

- a. Keperluan 1: Mencapai Nilai Aset Di Bawah Pengurusan ("**AUM**") minimum sebanyak RM1,000,000; DAN
- b. Keperluan 2: Mencapai baki minimum sebanyak RM500,000 dalam Akaun Semasa dan/atau Akaun Simpanan/-i ("**CASA-i**"), Produk Pelaburan terpilih ("**Pelaburan**") dan/atau Produk Insurans Hayat terpilih dan/atau Takaful Keluarga terpilih ("**Bancassurance/Bancatakaful**").

Bagi mengelakkan keraguan, kriteria kelayakan bagi segmen Private Wealth boleh dilihat di laman web CIMB di www.cimbpreferred.com.my.

Jadual 1

| No | Tawaran | Penerangan Tawaran | Keperluan Tawaran |
|-------------------------------------|--|---|---|
| Tawaran Pelaburan | | | |
| 1 | Callable Islamic Range Accrual Islamic Negotiable Instrument (" CIRA INI ") | Keuntungan sehingga 6.00% setahun | Penempatan minimum sebanyak RM 200,000 |
| 2 | Dana Unit Amanah/Dana Unit Amanah Patuh Syariah Terpilih (" Dana Unit Amanah Penyertaan ") | 0.8% caj jualan | Penempatan minimum sebanyak RM 200,000 |
| Tawaran Pakej Simpanan Tetap | | | |
| 3 | Simpanan Tetap (" FD ") pakej dengan Akaun Pelaburan e-Emas (" eGIA ")** | 4.18% setahun FD untuk tempoh 3 bulan | 1:1 nisbah jumlah penempatan minimum sebanyak RM300,000 (FD RM150,000 : eGIA RM150,000) 1:1 nisbah jumlah penempatan maksimum sebanyak RM5,000,000 (FD RM2,500,000 : eGIA RM2,500,000) |
| 4 | Simpanan Tetap/-i (" FD/-i ") pakej dengan Dana Unit Amanah/Dana Unit Amanah Patuh Syariah Terpilih (" Dana Unit Amanah Penyertaan ")*** | 8.18% setahun FD/-i untuk tempoh 3 bulan | 1:1 nisbah jumlah penempatan minimum sebanyak RM300,000 (FD/-i RM150,000 : Dana Unit Amanah Penyertaan RM150,000) 1:1 nisbah jumlah penempatan maksimum sebanyak RM5,000,000 (FD/-i RM2,500,000 : Dana Unit Amanah Penyertaan RM2,500,000) |
| 5 | Simpanan Tetap/-i (" FD/-i ") pakej dengan Produk Insurans Hayat dan/atau Takaful Keluarga terpilih (" Produk Banca Penyertaan ")** | 10.18% setahun FD/-i untuk tempoh 3 bulan | Penempatan minimum sebanyak RM50,000 dalam Produk Banca Penyertaan, penempatan FD/-i hanya boleh sama dengan atau lebih rendah daripada jumlah Produk Banca Penyertaan tersebut. [Produk Banca Penyertaan RM50,000 : FD/-i ≤ RM50,000] <i>Penempatan maksimum FD/-i sebanyak RM500,000 bagi setiap polisi/kontrak</i> |

| | | | |
|------------------------------------|--------------------------------------|--|---|
| | | | Tertakluk kepada pematuhan Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 33. |
| Tawaran Pembiayaan Hartanah | | | |
| 6 | Pembiayaan Rumah | Serendah 3.55% setahun (SBR + 0.80%) *** | Amaun pembiayaan minimum sebanyak RM350,000 |
| 7 | Pembiayaan Premis Perniagaan | Serendah 3.75% setahun (SBR + 1.00%) *** | Amaun pembiayaan minimum sebanyak RM350,000 |
| 8 | Tanah Kediaman Kosong untuk Kediaman | Serendah 5.30% setahun (SBR + 2.55%) *** | Amaun pembiayaan minimum sebanyak RM350,000 |

*Caj jualan sebanyak 2.0% bagi Dana Unit Amanah Penyertaan akan dibayar oleh Pelanggan Layak.

**Merujuk kepada Tawaran Bundel Deposit Tetap, penempatan FD/-i, Dana Unit Amanah

Penyertaan, eGIA dan/atau Produk Banca Penyertaan, cadangan/permohonan mesti diselesaikan pada hari yang sama dan hendaklah dibuat melalui kaunter sahaja di mana-mana cawangan CIMB sepanjang Tempoh Kempen.

***SBR 2.75% setahun setakat 21 Mei 2026.

7. AUM bermaksud jumlah amaun:-

- a. yang didepositkan oleh Pelanggan Layak dalam mana-mana akaun deposit tunggalnya atau akaun deposit bersamanya dengan CIMB ("**Deposit**") (untuk akaun bersama, Pelanggan Layak mestilah Pemegang Akaun Utama); dan/atau
- b. yang dilabur dalam mana-mana produk pelaburan CIMB terpilih ("**Pelaburan**") di bawah akaun tunggal atau bersama Pelanggan Layak (untuk akaun bersama, Pelanggan Layak mestilah Pemegang Akaun Utama); dan/atau
- c. yang digunakan untuk membeli/menyertai produk Insurans Hayat dan/atau Takaful Keluarga terpilih ("**Bancassurance/Bancatakaful**"), di mana pengiktirafan adalah berdasarkan kumulatif premium/sumbangan yang telah diterima setakat ini (termasuk premium/sumbangan tahun pertama dan pembaharuan), dengan syarat Pelanggan Layak merupakan pemilik polisi/pemegang kontrak/pemilik sijil dan polisi/kontrak tersebut kekal berkuat kuasa.

Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya polisi/kontrak Produk Bancassurance/Bancatakaful Pelanggan Layak tidak lagi berkuat kuasa, semua premium/sumbangan yang telah diterima terdahulu tidak akan diambil kira untuk tujuan AUM. Maklumat lanjut tentang pelaburan dan Bancassurance/Bancatakaful terpilih serta kriteria kelayakannya boleh dibaca di laman web CIMB pada www.cimbpreferred.com.my.

8. Walau apa pun yang terkandung di sini, sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), CIMB mempunyai hak untuk: -
 - a. melanjutkan, memendekkan atau menamatkan Kempen ini dengan serta-merta selepas notis oleh CIMB; dan/atau
 - b. menyemak Kadar Keutamaan Kempen dengan serta-merta selepas notis melalui:
 - i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iii. apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
9. Kempen ini tidak sah bersama dengan mana-mana kempen, tawaran, promosi (jika ada) dan/atau keistimewaan lain (cth. kadar kakitangan) yang ditawarkan oleh CIMB berhubung dengan FD/-i, CIRA INI, eGIA, Dana Unit Amanah Penyertaan dan Produk Banca Penyertaan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.
10. Setiap Pelanggan Layak boleh menikmati pelbagai tawaran seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1, dengan syarat keperluan Kekayaan Peribadi dipenuhi.

Butiran mengenai FD/-i

11. Bagi tujuan Kempen ini, FD/-i penyertaan merujuk kepada Simpanan Tetap (“**FD**”) dan Simpanan Tetap/-i (“**FD-i**”).
12. FD/-i mesti dibuka oleh Pemegang Akaun Utama yang sama yang menyertai Tawaran 3 (FD sahaja, FD/-i dikecualikan), Tawaran 4 dan/atau Tawaran 5 seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6, Jadual 1.
13. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang relevan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan penempatan dalam FD/-i yang Mengambil Bahagian di bawah Kempen ini, yang berasingan dari terma dan syarat di sini.
14. Kadar Istimewa FD/-i hanya terpakai kepada penempatan awal FD/-i untuk satu (1) kitaran, iaitu tiga (3) bulan (“**Tempoh FD/-i**”) sahaja seperti yang dinyatakan dalam Klausula 6, Jadual 1.

Pembaharuan: Kadar Istimewa hanya terpakai untuk penempatan FD/-i bagi satu (1) kitaran sahaja. Setelah FD/-i tamat tempoh di bawah Kempen ini, Kadar Istimewa tidak lagi terpakai dan Pelanggan Layak dengan ini bersetuju serta memberi kuasa kepada CIMB untuk secara automatik memperbaharui atau melaburkan semula jumlah prinsipal FD/-i dan faedah/keuntungan yang diperolehi untuk tempoh yang sama seperti penempatan di bawah Kempen pada kadar niaga semasa atau kadar kakitangan FD/-i pada masa pembaharuan.

15. Faedah/keuntungan FD/-i akan dibayar setelah tamat tempoh FD/-i dengan mengreditkan ke akaun Pelanggan Layak atau ditambah kepada prinsipal FD/-i.
16. Faedah/keuntungan FD/-i tidak akan dibayar sekiranya Pelanggan Layak menarik balik atau mengeluarkan FD/-i yang mengambil bahagian sebelum tamat tempoh.
17. Pengeluaran Awal dan/atau Sebahagian FD/-i: Sekiranya Peserta Layak ingin mengeluarkan penempatan FD/-i dan/atau penempatan produk Layak sebelum tamat Tempoh FD/-i, pengeluaran penuh baki dalam penempatan FD/-i tersebut mesti dilakukan. Pengeluaran sebahagian daripada penempatan FD/-i sebelum tamat Tempoh FD/-i tidak dibenarkan.
18. Simpanan Tetap/-i CIMB (“**FD-i**”) dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“**PIDM**”) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Butiran Mengenai Dana Unit Amanah Penyertaan

19. Dana Unit Amanah Penyertaan merujuk kepada senarai Dana Unit Amanah Konvensional / patuh Syariah yang terpilih (kecuali Dana tertutup dan Dana Harga Berubah Amanah Saham Nasional Berhad adalah tidak layak) dengan caj jualan sebanyak 2.0% dan ke atas seperti yang termaktub dalam memorandum / prospektus maklumat dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa, termasuk semua Dana Unit Amanah Konvensional / patuh Syariah yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen oleh CIMB mengikut budi bicara mutlak.
20. Pelanggan Layak yang melabur dalam mana-mana Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja – Skim Pelaburan Ahli (KWSP-MIS) adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
21. Caj jualan diskaun di bawah kempen ini adalah tidak termasuk *Sales and Service Tax* (SST) (jika berkenaan). Jumlah SST yang berkenaan akan dimasukkan ke dalam caj jualan diskaun dan akan dipaparkan sewajarnya dalam pengesahan transaksi pelanggan.
22. Sekiranya Pelanggan Layak menjalankan haknya berkaitan tempoh bertenang atau sekiranya pelaburannya ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas sebarang alasan dalam Tempoh Kempen, Pelanggan Layak tidak berhak untuk mendapat tawaran di bawah Kempen. "tempoh bertenang" adalah tempoh enam (6) hari perniagaan dari tarikh penerimaan permohonan Dana Unit Amanah yang Mengambil Bahagian oleh CIMB ("tempoh bertenang yang ditetapkan").

23. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang relevan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian di bawah Kempen ini, yang berasingan dari terma dan syarat di sini.
24. Dana Unit Amanah Penyertaan dalam mata wang asing adalah terpakai, dan jumlah akan ditukar berdasarkan kadar belian mata wang asing MYR oleh CIMB bagi menentukan jumlah Penempatan Keseluruhan.
25. Sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan/dilindungi bagi tujuan pembelian Unit Amanah Penyertaan tidak lagi dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").
26. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai kepada Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian:
 - a. Pelaburan dalam Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian bukan tanggungjawab, dijamin atau dilindungi oleh CIMB dan adalah tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan.
 - b. Pelanggan Layak dinasihatkan untuk melakukan yang berikut sebelum melabur dalam Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian:
 - i. untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian;
 - ii. untuk mengambil kira semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur; dan
 - iii. untuk menilai merit dan risiko mana-mana pelaburan berdasarkan penilaian mereka sendiri.
 - c. Prestasi Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian yang lalu bukan petunjuk prestasi masa depan dan pengagihan pendapatan tidak dijamin.
 - d. Pelanggan Layak yang ragu-ragu berkenaan tindakan yang perlu diambil harus berunding dengan penasihat profesional mereka dengan segera.
 - e. Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).
 - f. Pelanggan Layak dikehendaki mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam Produk Unit Amanah yang Mengambil Bahagian.
 - g. Dana pampasan di bawah Seksyen 158 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA):
 - i. tidak melindungi Pelanggan Layak; dan
 - ii. tidak merangkumi Pelanggan Layak yang telah mengalami kerugian kewangan akibat daripada penggelapan atau penyalahgunaan secara penipuan wang atau harta lain, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil CIMB.
 - h. Pelanggan Layak boleh membuat aduan dengan Unit Resolusi Pelanggan (CRU) CIMB seperti yang dinyatakan dalam Klausula 56 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika Pelanggan Layak mengalami kerugian kewangan dalam keadaan di atas yang berkaitan dengan perbuatan kakitangan CIMB.
 - i. Pelanggan Layak yang tidak berpuas hati dengan keputusan CRU CIMB boleh:
 - i. Merujuk kes tersebut kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dalam tempoh 6 bulan selepas menerima keputusan akhir daripada CIMB. Sekiranya pelanggan tidak menerima sebarang maklum balas daripada CIMB dalam tempoh 60 hari dari tarikh aduan dikemukakan kepada CIMB, pelanggan boleh mengemukakan pertikaian terus kepada FMOS; atau.
 - ii. Mengemukakan aduan terus kepada Pejabat Pengguna & Pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia walaupun Pelanggan Layak telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan FMOS.

Butiran Mengenai CIRA INI

27. CIRA INI tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").
28. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai kepada CIRA INI:
 - a. CIRA INI ialah produk dengan perlindungan prinsipal, prinsipal tersebut akan dilindungi berdasarkan usaha terbaik sekiranya pelaburan dipegang hingga tempoh matang. Pulangan ke atas pelaburan Pelanggan Layak akan dipengaruhi oleh prestasi aset/rujukan asas. Jika pelaburan itu ditebus atau dijual sebelum tempoh matang, pelanggan mungkin akan kehilangan sebahagian dari harga jualan.
 - b. Semua risiko, kerugian dan kerosakan yang berkaitan dengan CIRA INI harus ditanggung dan dipikul oleh Pelanggan Layak.

- c. Bank mempunyai pilihan untuk menebus Pelaburan pada setiap Tarikh Panggilan, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, bermula daripada Tarikh Pembayaran Keuntungan kedua, dengan notis sekurang-kurangnya dua (2) Hari Perniagaan sebelum sebarang Tarikh Pembayaran Keuntungan. Notis boleh diberikan melalui telefon dan/atau secara bertulis melalui faks, e-mel, surat pos dan/atau melalui mana-mana kaedah komunikasi awam yang biasanya digunakan oleh Bank, termasuk laman web rasmi Bank.
- d. Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Terma & Syarat Produk CIRA INI serta Penyata Pendedahan Risiko dan melanggan CIRA INI berdasarkan pertimbangan sendiri dan/atau nasihat bebas yang diperoleh oleh Pelanggan Layak.
- e. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam CIRA INI yang berkenaan, yang berasingan daripada Terma dan Syarat di sini.

Butiran Mengenai eGIA

29. eGIA tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).
30. Terma dan syarat berikut hendaklah terpakai kepada eGIA:
 - a. eGIA bukanlah produk dengan perlindungan prinsipal dan bukan juga akaun yang menghasilkan faedah. Pulangan ke atas eGIA bergantung kepada turun naik harga emas, pulangan ke atas pelaburan Pelanggan Layak dalam emas adalah tidak pasti, dan Pelanggan Layak mungkin menghadapi risiko tidak memperoleh pulangan dan/atau kemungkinan menanggung kerugian. Pelanggan Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Perjanjian Akaun Pelaburan e-Emas CIMB Bank dan membuka eGIA berdasarkan pertimbangan sendiri dan/atau nasihat bebas yang diterima.
 - b. Semua risiko, kerugian dan kerosakan yang berkaitan dengan eGIA akan ditanggung dan dipikul oleh Pelanggan Layak.
 - c. Pelanggan Layak dikehendaki untuk menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam eGIA yang berkaitan, yang berasingan dari Terma dan Syarat di sini.

Butiran Mengenai Produk Banca Penyertaan

31. Butiran Produk Banca Penyertaan untuk Kempen ini dinyatakan dalam jadual di bawah:

| Produk Penyertaan Banca (kekerapan tahunan) | Insurer/Takaful Operator |
|--|--|
| <u>Produk Insurans Hayat (Premium Berkala):</u> (Ini adalah produk insurans) <ul style="list-style-type: none"> • <i>Sun Save Invest</i> • <i>Sun Wealth Plus</i> | Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)] |
| <u>Produk Takaful Keluarga (Sumbangan Berkala):</u> (Ini adalah produk takaful) <i>Sun Enrich Extra-i</i> | Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)] |

Nota: Produk Banca Penyertaan mesti mempunyai kekerapan pembayaran tahunan.

32. CIMB hanyalah pengedar bagi Produk Banca Penyertaan yang diunderait oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)], iaitu penanggung insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“**Penanggung Insurans**”) dan/atau diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)], seorang pengendali takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“**Pengendali Takaful**”) (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Sun Life Malaysia**”).
33. Sun Life Malaysia ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dan semua pemilik polisi/pemegang kontrak layak mendapat perlindungan di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) sekiranya Penanggung Insurans/Pengendali Takaful gagal dan tidak dapat memenuhi manfaat insurans atau takaful yang ditetapkan.

34. Pelanggan Layak yang membeli atau menyertai Produk Banca Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen dan menggabungkannya dengan FD/-i layak untuk menerima Tawaran Kempen FD/-i seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah Klausa 5, tertakluk kepada pematuhan kriteria kelayakan seperti yang diperincikan dalam Klausa 33, 34 dan 35 (“**Kriteria Kelayakan**”).

| Produk Banca Penyertaan | Minimum FYAP/FYAC ¹ bagi Produk Banca Penyertaan (RM) | Nisbah Banca (RM) : FD/-i (RM) | Had Maksimum ² FD/-i |
|--|--|--|---------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Sun Save Invest; • Sun Wealth Plus; • Sun Enrich Extra-i | RM 50,000 <i>(bagi setiap polisi/kontrak melalui mod bayaran tahunan)</i> | 1 : 1 maksimum <i>(Dihadkan kepada penempatan FD/-i maksimum sebanyak RM500,000 bagi setiap polisi/kontrak)³</i> | RM 30,000,000 |

¹Premium Tahunan Tahun Pertama akan dirujuk sebagai “FYAP”, Sumbangan Tahunan Tahun Pertama akan dirujuk sebagai “FYAC”.

²Penempatan FD/-i bagi Kempen ini dihadkan kepada RM30 juta. Apabila had tersebut telah dicapai, tawaran di bawah Kempen ini tidak lagi akan sah.

³Pelanggan Layak boleh membuat penempatan sama ada dalam FD atau FD-i sehingga nisbah 1:1 berdasarkan premium bagi Produk Banca Penyertaan mereka, tertakluk kepada jumlah maksimum RM500,000 FD/-i bagi setiap polisi/kontrak.. FD/-i boleh sama atau kurang daripada FYAP/FYAC Produk Banca Penyertaan.

35. Kriteria Kelayakan berikut terpakai kepada semua Pelanggan Layak:

- Penempatan FD/-i dan cadangan/permohonan Produk Banca Penyertaan hendaklah disiapkan serta ditandatangani pada hari yang sama.
- Cadangan/permohonan bagi Produk Banca Penyertaan hendaklah ditandatangani dalam Tempoh Kempen, dan polisi/kontrak bagi Produk Banca Penyertaan tersebut hendaklah dikeluarkan oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2026.
- Penempatan FD/-i hendaklah dibuat di kaunter sahaja di mana-mana cawangan CIMB sepanjang Tempoh Kempen.
- Pelanggan Layak dibenarkan untuk menyertai lebih daripada satu (1) pakej/tawaran, dengan syarat semua Kriteria Kelayakan dipenuhi sepenuhnya.
- Syarat-syarat berikut terpakai bagi penempatan FD/-i di bawah Tawaran Kempen:
 - Sekiranya Pemilik Polisi/Pemegang Kontrak dan Hayat Diinsuranskan/Orang Dilindungi merupakan **individu yang sama** bagi Produk Banca Penyertaan (contohnya Sun Wealth Plus dan Sun Enrich Extra-i), Pelanggan Layak hanya berhak kepada **satu (1) penempatan FD/-i di bawah Tawaran Kempen**, tanpa mengira bilangan polisi/kontrak yang dibeli/disertai.
 - Sekiranya Pemilik Polisi/Pemegang Kontrak ialah individu yang sama tetapi Hayat Diinsuranskan/Orang Dilindungi berbeza bagi setiap polisi (contohnya, Pemilik Polisi = A; Hayat Diinsuranskan = B bagi satu polisi dan C bagi satu lagi polisi), Pelanggan Layak berhak kepada **satu (1) penempatan FD/-i bagi setiap polisi/kontrak**, tertakluk kepada pematuhan semua Kriteria Kelayakan Kempen.
- Bagi Produk Banca Penyertaan yang mempunyai pilihan tambah nilai, sama ada tambah nilai berkala atau tambah nilai tunggal tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada FYAP/FYAC.
- Pengumpulan FYAP/FYAC bagi setiap polisi/kontrak Produk Banca Penyertaan TIDAK terpakai untuk Kempen ini.
- Pelanggan Layak yang menarik balik atau membatalkan Produk Banca Penyertaan pada bila-bila peringkat semasa atau sebelum Tempoh Semakan Percuma (Free Look Period) atau sebelum tempoh matang FD/-i, tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

Nota:

Tempoh Semakan Percuma (“Free Look Period”) ditakrifkan sebagai tempoh lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penghantaran polisi atau kontrak, yang diperuntukkan kepada pemilik polisi/pemegang kontrak bagi Produk Banca Penyertaan untuk menilai kesesuaian pelan tersebut. Sekiranya polisi atau kontrak diserahkan dalam Tempoh Semakan Percuma, jumlah

premium atau sumbangan penuh akan dipulangkan kepada pemilik polisi/pemegang kontrak, setelah ditolak sebarang perbelanjaan perubahan yang telah ditanggung.

36. Kempen ini tidak sah dan tidak boleh digabungkan dengan mana-mana produk Insurans Hayat/Takaful Keluarga lain yang mempunyai tempoh perlindungan dan bayaran premium selama dua (2) tahun ("2 Pay"), dengan ciri kadar promosi, kempen, tawaran, promosi (jika ada) dan/atau keistimewaan (contohnya kadar kakitangan) yang ditawarkan oleh CIMB/Sun Life Malaysia.
37. Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma serta syarat yang berkaitan dengan cadangan/permohonan Produk Banca Penyertaan, yang merupakan dokumen berasingan daripada Terma dan Syarat ini.
38. Pelanggan Layak tertakluk kepada penilaian kesesuaian yang akan dijalankan semasa proses permohonan sebelum mana-mana Produk Banca Penyertaan dapat disyorkan oleh wakil sah CIMB, dan dikehendaki menandatangani semua dokumen yang berkaitan. Pelanggan Layak hendaklah merujuk kepada dokumen produk bagi Produk Banca Penyertaan, termasuk brosur produk, lembaran pendedahan produk, dan apa-apa bahan produk lain yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Brosur produk bagi Produk Banca Penyertaan boleh didapati di laman sesawang CIMB atau diperoleh daripada wakil sah CIMB.
39. Pelanggan Layak juga mesti mematuhi terma dan syarat yang berkuat kuasa bagi permohonan Produk Banca Penyertaan dengan Sun Life Malaysia, memandangkan CIMB hanya bertindak semata-mata sebagai pengedar bagi Produk Banca Penyertaan tersebut.
40. Produk Banca Penyertaan bukan merupakan produk CIMB dan oleh itu:
 - i. bukan merupakan kewajipan CIMB dan tidak dijamin oleh CIMB dan/atau mana-mana anak syarikat serta sekutunya;
 - ii. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap sebarang perkara atau tuntutan yang timbul daripada Produk Banca Penyertaan yang disediakan oleh Penanggung Insurans/Pengendali Takaful; dan
 - iii. Penanggung Insurans/Pengendali Takaful, sebagai penanggung insurans/pengendali takaful berlesen serta penderait/pengurus bagi Produk Banca Penyertaan, hendaklah menanggung sepenuhnya semua obligasi insurans atau takaful yang berkaitan.
41. Pelanggan Layak hendaklah mengemukakan sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, isu atau aduan yang berkaitan dengan pembelian/penyertaan Produk Banca Penyertaan kepada Sun Life Malaysia untuk tindakan dan penyelesaian, seperti berikut:

Alamat:
Sun Life Malaysia Assurance Berhad [No. Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)]/
Sun Life Malaysia Takaful Berhad [No. Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)]
Tingkat 11, No. 338, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur

Talian Khidmat Pelanggan: 1300-88-5055
Pertanyaan Dalam Talian: www.sunlifemalaysia.com
E-mel: wecare@sunlifemalaysia.com,
Faks: (603) 2698 7035
42. Penderait atau pengurus Sun Life Malaysia hendaklah mengendalikan semua perkara yang berkaitan dengan Produk Banca Penyertaan.
43. CIMB dan/atau Sun Life Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang permohonan Produk Banca Penyertaan atau surat-menyurat berkaitan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tersilap hantar, tertangguh, tidak dapat dibaca, rosak atau tersalah arah, sama ada disebabkan oleh ralat, ketinggalan, perubahan, gangguan, pemadaman, kecurian, kemusnahan atau sebab lain, melainkan perkara tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaiannya atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

Butiran Mengenai Pembiayaan Hartanah

44. Tawaran Pembiayaan Hartanah seperti yang dinyatakan dalam Klausa 6, Jadual 1 adalah:
- Terpakai untuk Hartanah Siap & Dalam Pembinaan di Malaysia.
 - Tidak terpakai untuk *Small Office Home Office (SOHO)* atau *Small Office Versatile Office (SOVO)*.
 - Tertakluk kepada kelayakan pelanggan, penilaian kredit dan kelulusan CIMB, margin pembiayaan, tujuan pinjaman/pembiayaan serta pemilihan produk (termasuk Insurans Pengurangan Tempoh Gadai Janji Berkelompok (MRTA) / Takaful Pengurangan Tempoh Gadai Janji Berkelompok (MRTT) / Insurans Tempoh Setara Gadai Janji Berkelompok (MLTA) jika berkenaan).
 - Caj tambahan 0.10% setahun akan dikenakan bagi Produk Full Flexi Islamik & Konvensional.
 - Caj tambahan seperti duti setem, yuran guaman dan yuran penilaian akan dikenakan.
 - Ini adalah berdasarkan Kadar Asas Standard (SBR) semasa dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang dipaparkan di cawangan Bank dan/atau diterbitkan di laman web Bank.

Terma dan Syarat Am

45. Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:-
- dikehendaki supaya membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka dengan Terma dan Syarat ini;
 - mengesahkan bahawa terma kontrak penting yang melibatkan obligasi mereka telah diterangkan dengan secukupnya kepada mereka;
 - bersetuju dengan pemprosesan dan pendedahan data peribadi mereka oleh CIMB, mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB pada pautan www.cimb.com.my;
 - bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Tawaran yang akan diberikan adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana obligasinya dalam Terma dan Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan:-
 - kegagalan apa-apa peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - kegagalan elektrik;
 - pertikaian perindustrian, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - apa-apa bencana alam di luar kawalan CIMB; atau
 - apa-apa faktor di luar kawalan munasabah CIMB.
46. Pelanggan Layak akan dihilangkan kelayakannya untuk menyertai Kempen ini dan/atau hak penerimaan Tawaran akan dilucutkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum penebusan Tawaran:-
- Pelanggan Layak melanggar terma dan syarat yang mengawal Produk Penyertaan yang didaftarkan;
 - Produk Penyertaan yang didaftarkan ditamatkan atau ditutup atau menjadi tertakluk pada apa-apa penahanan, perintah yang memudaratkan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan di sisi undang-undang; atau
 - Produk Penyertaan yang didaftarkan adalah tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan Layak atau CIMB.
47. CIMB berhak menghilangkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang diputuskannya sebagai:-
- menggangu proses permohonan; dan/atau
 - bertindak melanggar Terma dan Syarat ini.
48. CIMB berhak melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen dengan memberikan notis selama tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak melalui:-
- pengumuman dilaman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan

Layak, sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

49. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana pihak terhadap apa-apa kerugian, kos atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, kerosakan langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada:-
- penyertaan atau tanpa penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen ini; dan/atau
 - sebarang WA, SMS dan/atau EDM oleh CIMB yang tidak diterima atau diterima lewat oleh Pelanggan Layak

melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut timbul daripada, dan disebabkan secara langsung oleh, kecuaiian atau keingkaran sengaja CIMB.

50. a. CIMB berhak mengubah, menambah, memotong atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini ("Pindaan") dengan memberikan notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak melalui:-
- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
 - apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- b. Pindaan hendaklah dianggap mengikat Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditetapkan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu.
- c. Jika perubahan itu dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan"), maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang dan Peraturan, dan CIMB akan memberitahu/memberikan notis kepada Pelanggan Layak tentang perubahan ini dengan seberapa segera yang mungkin.
- d. Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang waktu yang tetap untuk melihat terma dan syarat Kempen ini dan untuk memastikan bahawa mereka mendapat maklumat kemas kini mengenai apa-apa perubahan pada Terma dan Syarat ini.
51. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak terhadap apa-apa kerugian, kos atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung Pindaan.
52. Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi, dan memastikan bahawa CIMB tetap ditanggung rugi, sepenuhnya terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada:-
- penyertaan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
 - penerimaan, penebusan atau penggunaan Tawaran; dan/atau
 - kemungkinan atau kegagalan Pelanggan Layak untuk mematuhi Terma dan Syarat ini
53. Terma dan Syarat ini:-
- hendaklah mengatasi apa-apa peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan iklan Kempen ini; dan
 - harus dibaca bersama dengan terma dan syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen, yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini.
54. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk pada, dan ditafsirkan mengikut, undang-undang lazim Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan pengawalseliaan berkaitan lain yang padanya CIMB adalah tertakluk.
55. Jika CIMB tidak menggunakan sesuatu hak yang dipunyainya dalam Terma dan Syarat ini, perkara ini tidak menghalang CIMB daripada menggunakan hak itu atau mana-mana hak lain yang dipunyai oleh CIMB pada masa hadapan.
56. a. Pelanggan Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan ("CRU") CIMB untuk apa-apa maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon dan e-mel:-

Alamat: Peti Surat 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No. Telefon: 1300 885 300 (CIMB Preferred Call Centre)

E-mel: contactus@cimb.com

- b. CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
57. Jika produk/perkhidmatan berkaitan dengan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Pelanggan Layak adalah ditawarkan oleh CIMB Bank sebarang pertanyaan Pelanggan Layak akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic, kebimbangan Pelanggan Layak akan diberi perhatian oleh CIMB Islamic.
58. Laman web CIMB mungkin mengandungi pautan kepada laman web lain ("Pautan Pihak Ketiga"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau mengkaji semula kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Pelanggan Layak mengklik pada Pautan Pihak Ketiga, maka Pelanggan Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko mereka sendiri, dan CIMB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak.
59. CIMB tidak bertanggungjawab atas kelewatan, kehilangan, ketidaksempurnaan, penyerahan salah, penangguhan, kesukaran untuk dibaca, kerosakan atau penyalaharahan permohonan Produk Layak atau urusan surat-menyurat yang berkaitan, sama ada disebabkan oleh kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, pemotongan, kecurian, kemusnahan atau selainnya, melainkan perkara tersebut disebabkan secara langsung oleh kecuaiian atau keingkarannya sengaja CIMB.